

4 MAR 1996

MENTERI LUAR PERANCIS KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Perancis Herve de Charette hari ini mengunjung hormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

De Charette, yang tiba semalam untuk lawatan rasmi tiga hari, sebelum itu mengadakan pertemuan berasingan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Pertemuan De Charette dengan Abdullah berlangsung di kediamannya. Abdullah kini bercuti selepas menjalani pembedahan jantung.

Esok menteri Perancis itu dijadualkan berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum mengadakan persidangan berita.

De Charette akan singgah singkat di Pulau Pinang sebelum berlepas pulang ke tanah airnya dari pulau itu. -- Bernama

TCL AHH